

# MPK giat baiki mutu perkhidmatan

**KUANTAN 20 Feb.** - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) giat memperbaiki dan mempertingkatkan mutu perkhidmatannya menerusi perkongsian permasalahan penduduk setempat dari masa ke semasa dengan menggunakan pelbagai kaedah serta pendekatan bersesuaian.

Yang Dipertuanya, Datuk Fadzila Salleh berkata, antara pendekatan yang dilaksanakan adalah bertemu dan berdialog dengan penduduk.

Beliau berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memerlukan pendekatan yang mantap termasuk hubungan dua hala bagi memenuhi keperluan dan kehendak hampir 500,000 penduduk di daerah ini.

"Cara sekarang lebih berbeza, bukan orang datang bawa masalah tetapi kami bertindak dahulu dengan bertemu rakyat untuk mengetahui masalah dihadapi mereka.

"Bagi menyelesaikan masalah penduduk, PBT sendiri perlu ada penambahbaikan. Jadi, kita hadir bertemu golongan sasar secara berperingkat. MPK bersama jabatan-jabatan lain dalam kerajaan yang berkaitan akan turun padang mendengar suara dan pandangan mereka sebagai pembayar cukai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sesi Townhall Komuniti Mukim Kuala



**ORANG** ramai yang hadir dalam sesi Townhall Komuniti Mukim Kuala Kuantan 1 bersama MPK di Dewan Orang Ramai Peramu, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

*WISAN MALAYSIA 21/2/2017*

Kuantan 1 bersama MPK yang pertama kali diadakan di Dewan Orang Ramai Peramu di sini baru-baru ini.

Antara jabatan yang terlibat dalam program berkenaan adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pengairan dan Saliran

(JPS), Jabatan Kesihatan, Jabatan Veterinar, Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Fadzila berkata, menerusi sesi tersebut, segala permasalahan penduduk dapat disalurkan se-

cara terus kepada PBT dan agensi berkaitan untuk diselesaikan.

"Sesi ini memberi ruang kepada penduduk menyuarakan masalah atau memberi pendapat untuk kepentingan bersama berdasarkan konsep situasi menang-menang," katanya.